



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 5 February 2016

Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Syarat baharu LPHS beban pembeli
Muka Surat	:	12

Syarat baharu LPHS beban pembeli

Shah Alam: Pelbagai syarat baharu yang dikenakan Lembaga Perumahan dan Harta Selangor (LPHS) untuk pemohon rumah mampu milik di negeri ini, dilihat semakin membebankan rakyat Selangor.

Terbaru, LPHS dikatakan mengenakan syarat bakal pembeli perlu merujuk status kewangan mereka di Bank Negara sama ada disenaraikan sebagai muflis atau sebaliknya, serta perlu menyediakan penyata Kumpulan Wang Sim-

panan Pekerja (KWSP).

Tanggung tinggi

Presiden Kelab Harmoni Selangor (KHS), Dr V Sunder, berkata kerajaan negeri perlu memikirkan cara terbaik bagi membolehkan rakyat membeli rumah dan bukannya membina dan menjual hartanah di luar kemampuan pembeli.

Katanya, berdasarkan aduan diterima, ada rumah yang harga asalnya hanya RM42,000 dinaikkan mence-

cah RM100,000 dengan alasan rumah itu kawasan bandar.

"Kebanyakan individu dewasa yang bekerja di Selangor berpendapatan RM4,000 sebulan dan hanya mampu membeli rumah berharga di bawah RM200,000.

"Bagaimanapun, mereka gagal mendapatkan kelulusan bank kerana kos tanggungan melebihi jumlah pendapatan sedia ada untuk membeli rumah berkenaan.

"Hasil kajian, sebanyak 80

peratus rumah mampu milik dibina di sekitar Selangor dan hanya 20 peratus sahaja terdiri daripada rumah kos rendah dan sederhana rendah yang benar-benar mampu dimiliki.

Tidak prihatin

"Sedangkan, lebih 50 peratus penduduk di negeri ini mempunyai jumlah pendapatan isi rumah kurang daripada RM4,000 sebulan.

"Ini sekali gus membuktikan kerajaan Selangor tidak memahami apa yang sebenarnya dimahukan oleh rakyat," katanya pada sidang media, di sini, semalam.